

Cadangan Jawapan Latihan Penilaian Unit



Maklum Balas

Bahagian A

1. Salah
2. Betul
3. Salah
4. Betul
5. Salah
6. Salah
7. Salah
8. Salah
9. Salah
10. Betul

Bahagian B

1. C
2. B
3. A
4. A
5. B
6. C
7. A
8. B

9. a. Berteraskan wahyu
b. Penghayatan akhlak
c. Kesepaduan iman dan persekitaran

10. Al-Dhahaq bin Ijlan

Soalan esei

1. Perkataan 'tamadun' berasal daripada bahasa Arab dengan kata dasar '*da-na*' yang bererti beragama. Daripada kata '*da-na*' ini pula muncul kata *madanna* serta *tamaddana* yang kedua-duanya bererti mengasaskan dan membina kehidupan perbandaran dan kehalusan budi pekerti. Seterusnya dari kata *tamaddana* itulah lahirnya perkataan *tamaddun*.

2. Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber dan asas kepada tamadun Islam. Tamadun Islam terbentuk daripada kedua-dua sumber asasi ini. Bagi Sayyid Qutb, masyarakat Islam di mana di dalamnya dilaksanakan akidah dan hukum Allah s.w.t. sepenuhnya itulah yang sebenarnya masyarakat yang bertamadun. Sedangkan masyarakat lain yang tidak berpedoman kepada hukum Allah s.w.t. itu adalah masyarakat songsang atau masyarakat jahiliah. Jelasnya, ini menunjukkan bahawa Islam merupakan tamadun hakiki dan masyarakat Islamlah yang sebenarnya bertamadun. Ajaran-ajaran Islam yang menjadi asas-asas pembentukan tamadun yang hakiki bertitik-tolak dari dua sumber asasi Islam iaitu ajaran Islam yang syumul dan takammul atau menyeluruh dan lengkap. Kedua-dua sumber ini menekankan persoalan akidah, ibadah, syariah, dan akhlak. Ajaran-ajaran ini semuanya terkandung di dalam sumber-sumber al-Quran dan al-Sunnah dan dilaksanakan dengan jayanya pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. di Makkah dan Madinah.

3. Jika memperkatakan mengenai sumbangan saintis Islam, masyarakat umum mengetahui saintis Barat telah banyak menyumbang kepada pembangunan kini. Malah saintis Muslim pada masa yang sama turut membuat sumbangan pada pembangunan manusia sejagat yang kemungkinan besar tidak dihebahkan melalui media massa.

4. Falsafah seni dalam Islam bertitik tolak daripada akidah tauhid. Al-Qur'an yang merupakan sumber kepada pembentukan seni dan budaya dalam Islam menjelaskan bahawa Allah s.w.t. bersifat sempurna dan Maha Suci lagi Maha Indah. Falsafah seni menurut Islam akan melahirkan hubungan baik antara manusia dengan Allah s.w.t. dan diantara manusia sesama manusia disamping mengganggu Pencipta iaitu Allah s.w.t.
5. Seni boleh digunakan untuk kebaikan dan keburukan. Seni boleh digunakan untuk kebaikan jika ianya dijadikan sebagai medium kesenangan rohani demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat melalui karya sastera boleh membangunkan minda ummah untuk menghargai kebaikan dan keamanan, perpaduan dan nilai-nilai murni yang lain. Nilai seni sastera yang tinggi nilainya boleh mendorong manusia mencapai tingkat ketakwaan, kemakrufan, kesalihan dan nilai-nilai murni. Di samping itu, seni yang membawa kepada kebaikan mampu memmanifestasikan perasaan, keamanan dan ketenangan dan menjadi satu sarana dakwah seperti azan untuk menyeru manusia bersolat.

Tanpa kita sedar, seni turut membawa keburukan jika kita mengabaikan tanggungjawab yang fardu. Seni tidak terkecuali daripada sebarang unsur seni yang membawa kepada khayalan kepada manusia sehingga tidak dapat membezakan hak dan batil berikutan campuran dengan benda-benda yang haram seperti arak dan dadah.
